

Headline	Shaklee Malaysia sahut kempen hijau		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	30 Nov 2011	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	60,000
Page No	39	Readership	
Language	Malay	ArticleSize	444 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,442
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,326



Shaklee Malaysia sahut kempen hijau

BAGI meningkatkan kesedaran dan mendidik rakyat terhadap isu alam sekitar, Shaklee Malaysia dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia meneruskan usaha penanaman pokok bagi tahun kedua di Hutan Simpan Sungai Puteh, Cheras, baru-baru ini.

Majlis pelancaran bagi program tersebut telah disempurnakan Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup. Turut hadir, tetamu dari pelbagai

agensi kerajaan, murid dan pihak media yang menjayakan kempen bumi hijau itu.

Pengurus Besar Serantau Benua Asia Tenggara Shaklee, Victor Lim berkata, aktiviti pemuliharaan hutan tersebut menjadi sebahagian usaha pihak Shaklee bagi mengurangkan pengeluaran sisa karbon, di samping menghargai kehidupan liar dan keindahan alam untuk dinikmati pengguna.

Hutan Simpan Sungai Puteh telah dibangunkan Jabatan Perhutanan sejak 1993 dan dibuka kepada orang ramai

untuk pendidikan taman hutan. Tempat tersebut turut dilengkapi dengan kemudahan bagi pengunjung orang kurang upaya (OKU). Shaklee telah menaja pokok yang bernilai RM10,000 dan trek pejalan kaki sepanjang 226 meter bagi kemudahan pengunjung.

"Kami gembira dapat memberi sokongan pihak kerajaan bagi menjayakan "Kempen Penanaman 26 Juta Penanaman Pokok". Sumbangan kami diharapkan dapat menjadi negara ini menjadi tempat tinggal lebih baik untuk generasi

akan datang," kata Victor.

Aktiviti penanaman pokok bukan baru bagi Shaklee. Shaklee Corporation di Amerika Syarikat telah melancarkan kempen "Sejuta Pokok, Sejuta Impian" pada 2006 dengan sasaran penanaman satu juta pokok di sana dan Kanada. Sehingga kini, lebih sejuta pokok telah ditanam di Amerika Utara.

Pada 2009, Shaklee Malaysia telah melancarkan kempen tanggungjawab sosial korporat dalam menjaga alam sekitar, dengan kerjasama Institut Penyelidikan Perhutanan

Malaysia (Frim). Selain itu, pihaknya turut melancarkan penanaman pokok di Taman Botani Kepong yang merupakan bekas lombong bijih timah dan kini dibangunkan sebagai taman rekreasi dan pendidikan.

Program pada kali ini turut melibatkan penyertaan murid dari Sekolah Kebangsaan (SK) Kampung Cheras Baru, SK Cheras Jaya dan SK Kebangsaan Batu 9 Cheras. Sejumlah 130 pokok telah ditanam di Hutan Simpan Sungai Puteh, Cheras yang melibatkan 11 spesies pokok nadir.



Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph (lima, kanan) bersama tetamu dan peserta program merakam gambar bersama pada program penanaman pokok di Cheras.